

**MOHAMMAD NATSIR  
PEMIKIRAN DAN PERJUANGANNYA TENTANG  
ISLAM, POLITIK DAN NEGARA  
1940-1960**

Oleh

**Mohammad Noer**

**Tesis yang diserahkan bagi memenuhi  
ijazah Doktor Falsafah**

**Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia**

**1999**

## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dipanjangkan ke hadirat Allah s.w.t. kerana hanya dengan taufik dan inayah, dengan kekuasaan dan pertolongan-Nya tesis ini dapat diselesaikan. Salawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad s.a.w., keluarga, sahabat serta mereka yang mengikut perjuangannya hingga ke akhir zaman.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia Prof. Madya Dr. Fadhlullah Jamil di tengah-tengah kesibukannya yang begitu padat, beliau telah berkenan menyediakan waktu dan memberikan bimbingan serta tunjuk ajar yang tak ternilai harganya bagi penyempurnaan tesis ini.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Naib Canselor dan para Timbalan Naib Canselor, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dekan Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia. Para pegawai Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, para pegawai Institut Pengajian Siswazah serta para pegawai perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan banyak bantuan semasa saya menuntut di kampus tercinta ini.

Rasa terima kasih yang tak terhingga juga disampaikan kepada Rektor dan para Pembantu Rektor, Dekan dan para Pembantu Dekan Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, rakan-rakan sesama pensyarah, para pegawai

perpustakaan Universiti Nasional, Jakarta, yang telah banyak memberikan bantuan baik moral maupun material semasa saya diberikan cuti untuk belajar di Universiti Sains Malaysia, Pulau pinang.

Terima kasih juga saya sampaikan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, yang telah memberikan bantuan biasiswa dari tahun 1995 hingga tahun 1997. Ucapan yang sama juga disampaikan kepada Pimpinan Yayasan Islam al-Anshar, Pimpinan Yayasan Bina Insan Cita, yang juga telah memberikan bantuan biaya penelitian untuk penulisan tesis ini.

Saya juga ingin menyampaikan rasa terima kasih yang mendalam kepada kawan-kawan di Malaysia dan Indonesia, khususnya kawan-kawan di Universiti Nasional, Koordinator Kopertis Wilayah III, Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia, Al-Irsyad al-Islamiyyah, Angkatan Belia Islam Malaysia, Perhimpunan Pelajar Indonesia Pulau Pinang serta kawan-kawan lain yang tidak terikat dalam pelbagai organisasi. Kesemua mereka telah banyak memberikan bantuannya dalam penyelesaian kajian ini.

Saya sangat banyak berhutang budi pada semua saudara-saudara Allahyarhamah kakak Nursaedah dan keluarga, Abangda Mohammad Siddik dan keluarga, Allahyarham Abdul Hamid dan keluarga, Allahyarham Abdul Latief Husien dan keluarga, Allahyarham abangda Suhaimi dan keluarga, Anwar Ridwan dan keluarga serta Gulam Fred dan keluarga. Empat orang dari mereka telah pergi memenuhi panggilan Allah s.w.t. diwaktu saya sedang belajar di Penang. Begitu juga dengan Allahyarhamah Ummi Nikmah Karamah, yang selalu mendo'akan keberhasilan kami sekeluarga di

rantau orang. Kesemua mereka telah banyak memberikan bantuannya baik moral maupun material dalam penyelesaian kajian ini.

Saya juga sangat banyak berhutang budi kepada isteri yang dikasihi Farhanah Salim yang sentiasa memberikan bantuannya serta menunjukkan pengertiannya yang mendalam dalam penyelesaian tesis ini. Begitu pula kepada anak-anak yang dikasihi, Fatimah Noer, Shafa Noer dan Marwah Noer. Kesemua mereka ikut mendampingi dan merasakan kehidupan suka dan duka di perantauan selama empat tahun. Terima kasih juga saya sampaikan kepada semua keluarga di Bogor, di Tanjung Pura, Kanda M. Imaduddin Abdurrahim, Hj. Muhammad Kasim, Ahmad Herri, Mohammad Sofwan serta kawan-kawan di manapun berada yang telah memberikan bantuan dalam pelbagai bentuk dan ragamnya guna penyelesaian tesis ini.

Meskipun banyak bimbingan dan nasihat-nasihat yang diberikan, dan dari pihak saya sendiri sedaya upaya mencoba menyempurnakannya, namun kelemahan dan kesilapan tidak dapat dielakkan, dan dalam hal ini sayalah yang bertanggung jawab sepenuhnya di atas semuanya itu. Semoga tulisan ini diterima oleh Allah s.w.t. sebagai amal ibadah dan berguna untuk masyarakat. Amien ya Rabbal 'Alamin. Jazakumu'llah Khairan Kathiran.

Penang, Mei 1998

**Mohammad Noer**

## **ABSTRAK**

Kajian ini menelaah pemikiran dan perjuangan salah seorang tokoh yang terkemuka di Indonesia, iaitu Mohammad Natsir. Untuk memperdalam pembahasan, kajian ini ditumpukan kepada pemikiran dan perjuangannya tentang Islam, Politik dan Negara, periode 1940 hingga tahun 1960.

Untuk itu, kajian ini diawali dengan pembahasan singkat tentang riwayat hidup Mohammad Natsir yang bermula dari kelahiran sampai kewafatannya. Selepas itu, dikemukakan beberapa aspek perjuangan yang berkaitan dengan peranannya dalam politik dan pemerintahan Indonesia.

Sebagai salah seorang tokoh agama, Natsir juga dikenali sebagai salah seorang yang besar sumbangannya dalam gerakan reformis di Indonesia. Oleh itu, dalam pemikiran dan perjuangannya beliau selalu menggunakan konsep-konsep Islam serta menerapkannya dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Hal ini dapat dibuktikan dari pembelaannya terhadap penyatuan Agama dan Negara menerusi perdebatan yang panjang dengan kumpulan Nasionalis Sekuler yang dipelopori oleh Sukarno.

Selain itu, menerusi forum konstituante, Natsir dan rakan-rakannya dari perkumpulan Nasionalis Islami berjuang secara konstitusional untuk menjadikan Islam sebagai dasar negara. Upaya ini dilakukan kerana dalam pemikirannya Islam adalah satu agama yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Meskipun usaha tersebut tidak berhasil, dan Pancasila tetap menjadi dasar negara Republik Indonesia, Natsir tidak melihat adanya percanggahan antara Islam dan Pancasila. Ini kerana sila-sila yang terdapat dalam pancasila itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Kajian ini mendapati bahawa pemikiran dan perjuangan yang telah dilakukan oleh Natsir pada masa yang lalu masih relevan untuk dibincangkan dan mempunyai jangkauan ke masa hadapan.

# **MOHAMMAD NATSIR**

## **HIS THOUGHTS AND STRUGGLES ON**

## **ISLAM, POLITICS AND STATE (1940-1960)**

### **ABSTRACT**

This study tries to analyze the thoughts and struggles of a prominent figure in Indonesia, Mohammad Natsir. To explore this topic deeper, this study discusses his thoughts and struggles in Islam, politics and state from the period of 1940 to 1960.

This study starts with a brief explanation of his life from birth until his death. Apart from that, this study discusses some aspects of his struggles and his role in the Indonesian politics and government.

As a prominent religious figure, Natsir is also known for his many contribution in the reformation movement of Indonesia. Therefore in his thoughts and struggles, he has always used Islamic concepts for society as well as state affairs. This can be proven by his defend on uniting religion with the state which caused prolonged debates with the secularists headed by Sukarno.

Apart from that, Natsir and his friends from the Islamic Nationalist Movement struggled constitutionaly to make Islam as the basis of state. This effort was done because of his belief that Islam is a religion that covers all aspects of human life. Even though this effort did not succeed and Pancasila remained the basis of Republic of Indonesia, he did not see any contradiction between Islam and Pancasila. This is because Pancasila was not in contradiction with Islamic teaching.

This study discovers that the thoughts and struggles of Natsir in the past are still relevant for discussion today and the future.

# KANDUNGAN

Halaman

<b>PENGHARGAAN</b>	I
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>GLOSSARY</b>	viii
<b>TRANSLITERASI</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>Bab I. Pengenalan</b>	1
1.1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Matlamat Kajian	13
1.3. Kajian-Kajian Terdahulu	14
1.4. Rangka Teori	20
1.5. Metodologi dan Kaedah Pengumpulan Data	23
1.6. Susunan Bab-Bab Kajian	28
<b>Bab II. Riwayat Hidup Mohammad Natsir</b>	31
2.1. Pengenalan	31
2.2. Alam Minangkabau	31
2.3. Kelahiran dan Pendidikan Awal	41
2.4. Merantau ke Jawa	50
2.5. Penglibatan Dalam Bidang Penulisan	59
2.6. Wafatnya Mohammad Natsir	71
<b>Bab III. Pemikiran Reformisme Islam Mohammad Natsir</b>	74
3.1. Pengenalan	74
3.2. Aliran-Aliran Pemikiran Islam	74
3.3. Dakwah	83
3.4. Pendidikan Yang Bersepadu	87

<b>Bab IV. Peranan Natsir Dalam Politik dan Pemerintahan Indonesia</b>	92
4.1. Pengenalan	92
4.2. Natsir dan Masyumi Dalam Perjuangan Bangsa	93
4.3. Peranan Sebagai Menteri Penerangan	98
4.4. Mosi Integral Natsir dan Pembentukan Negara Kesatuan	103
4.5. Menjadi Perdana Menteri	106
4.6. Natsir dalam Membela dan Mempertahankan Demokrasi	114
4.7. Penyertaan dalam Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia	121
<b>Bab V. Hubungan Agama dan Negara</b>	126
5.1. Pengenalan	126
5.2. Sekularisme Dalam Sejarah	128
5.3. Sosialisasi Politik Sukarno	131
5.4. Pemikiran Sukarno Tentang Agama dan Negara	139
5.5. Pemikiran dan Tanggapan Mohammad Natsir	152
5.6. Beberapa Kesimpulan Pemikiran Natsir	188
<b>Bab VI. Islam dan Pancasila</b>	192
6.1. Pengenalan	192
6.2. Kebangkitan Nasionalisme Indonesia	193
6.3. Lahirnya Pancasila dan Piagam Jakarta	203
6.4. Pandangan Mohammad Natsir Tentang Islam dan Pancasila	231
6.5. Asas Tunggal dan Pandangan Mohammad Natsir	243
<b>Bab VII. Kesimpulan</b>	249
<b>Bibliografi</b>	259
<b>Lampiran-Lampiran:</b>	
Lampiran I	285
Lampiran II	286
Lampiran III	289
Lampiran IV	294
Lampiran V	297

## Glossary

Ahlu al Sunnah wal Jama'ah	: Para pengikut tradisi Nabi Muhammad s.a.w. dan ijma 'Ulama.
Al-Qur'an	: Kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk menjadi panduan hidup manusia untuk dunia dan akhirat.
Aktivis	: Orang yang melibatkan diri dalam suatu kegiatan atau perjuangan secara aktif.
Aqidah	: Kepercayaan.
Amir al-Mu'min	: Pemimpin tertinggi bagi orang beriman.
Cauvinisme	: Faham kebangsaan yang sempit.
Dirasat al-Islamiyah	: Pengajian ilmu-ilmu Islam.
Da'l	: Juru dakwah.
Darul Islam	: Harfiah bererti rumah Islam. Di Indonesia istilah ini dipakai untuk menyatakan gerakan-gerakan sesudah 1945 yang berusaha merealisasikan cita-cita untuk menegakkan negara Islam di Indonesia.
Demokrasi Terpimpin	: Demokrasi yang diciptakan oleh Sukarno pada tahun 1959
Fuqaha	: Pakar hukum Islam.
Gerakan Wahhabi	: Suatu gerakan islah yang dipelopori oleh Muhammad bin Abdul Wahhab di semenanjung Tanah Arab.
Hadith	: Sabda (perbuatan atau kelakuan) Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya untuk menjelaskan sesuatu tentang hukum Islam.

Hablum min- al-Nas	: Hubungan dengan manusia.
Hinayat al-Baida	: Melindungi berjalannya hukum dan undang-undang.
Hifzhud al Din	: Melindungi agama
Hablum min Allah	: Hubungan dengan Allah.
Imperialisme	: Dasar/tindakan sebuah negara menjahat atau menggunakan kuasa pemerintahannya ke atas negara lain.
Ustikfa al-Umana	: Mengangkat kaki tangan awam dan ketentaraan.
Islamistis	: Orang Islam yang komited dengan agamanya.
Ijma Ulama	: Kesepakatan para ulama dalam merumuskan hukum.
Iqamat al-Hudud	: Menetapkan undang-undang negara.
Jumud	: Pemikiran yang kolot dalam pemahaman agama.
Khadimat al-Islam	: Perkhidmatan kepada Islam.
Kitab kuning	: Karya-karya tulisan dalam bahasa Arab – Melayu yang disusun para sarjana Islam pada abad pertengahan.
Khurafat	: Ajaran yang karut.
Khaliq	: Yang menjadikan (iaitu Allah).
Khalifah	: Pengganti kepada Nabi Muhammad s.a.w, gerakan untuk ketua agama dan pemerintahan tertinggi di negara Islam.
Khilafah	: Jabatan khalifah.
Kolonialisme	: Dasar menegak dan mengekalkan kekuasaan atau pemerintahan sesebuah negara ke atas negara lain.

Konstituante	: Suruhanjaya yang merangka perlembagaan.
Kabinet Susu	: Kabinet Soekiman dan Suwiryo yang bertugas pada tahun 1951-1952. Ia dibentuk oleh Soekiman dari Masyumi dan Suwiryo dari PNI. Yang menjadi Perdana Menteri dalam kabinet tersebut ialah Soekiman.
Mazhab	: Aliran ajaran agama Islam yang diikuti oleh umat Islam.
Menara gading	: Pusat Pengajian Tinggi.
Mubasyara al-Umuri Binafsih	: Mencampuri urusan pemerintahan.
Muwahaidin	: Golongan yang mengesahan Allah.
Mosi Integral	: Mosi yang menyatukan negara-negara bahagian menjadi Negara Kesatuan Republik Indonesia pada bulan April 1950 mosi ini dipelopori oleh Mohammad Natsir sehingga dikenali juga dengan "Mosi Integral Natsir".
Negarawan	: Orang yang mahir benar dengan cara-cara pemerintahan negara.
Nidzam	: Peraturan.
Nasionalisme	: Perasaan cintakan bangsa sendiri yang mendalam.
Nasionalis Islami	: Golongan yang menganut faham Islam dan tidak memisahkan antara agama dengan negara.
Nasionalis Sekular	: Golongan yang menganut faham kebangsaan dan pemisahan antara agama dengan negara.
Pancasila	: Lima dasar falsafah yang menjadi asas kenegaraan republik Indonesia.

Paderi	: Pemimpin agama Kristian (terutama lelaki) yang dilantik khas untuk mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Kristian.
Qada	: Petentuan Allah.
Qadar	: Pelaksanaan kepada ketentuan Allah.
Reformis	: Orang (golongan) yang menganjurkan atau mengusahakan supaya berlaku perbaikan atau pembaharuan (dalam bidang sosial, kebudayaan, keagamaan, politik, pendidikan dan sebagainya).
Rekonstruksi	: Penggambaran ulang.
Roem-Royen	: Perundingan antara kerajaan Indonesia dengan kerajaan Belanda tentang penyerahan kedaulatan kepada Indonesia pada tahun 1949. Dalam perundingan tersebut pihak Indonesia diwakili Mohammad Roem dan belanda diwakili Oleh J.H. Van Royen sehingga perundingan tersebut dikenali dengan Perundingan Roem-Royen.
Sunnah	: Peraturan atau adat yang berdasarkan perbuatan dan perkataan Nabi Muhammad s.a.w.
Shura	: Musyawarah.
Syura	: Bulan pertama dalam tahun Islam/bulan Muharram.
Sekularisme	: Faham yang memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan dalam urusan-urusan hidup yang tidak bersangkutan dengan kegiatan-kegiatan agama.
Staatidee	: Cita-cita negara.
Tahyul	: Kepercayaan yang karut-marut.
Takdir	: Sesuatu yang ditentukan Allah terlebih dahulu.

Tawhid	: Faham tentang keesaan Tuhan dalam ajaran Islam.
Tahfiz al-Ahkam	: Mengepalai kekuasaan pemerintahan.
Tahshinus al-Tsugur	: Mengepalai seluruh angkatan perang.
Ukhrowi	: Kehidupan di akhirat.
Ustadz	: Guru agama.
Uswatun hasanah	: Contoh teladan yang baik.
Ulama	: Orang yang ahli dalam pengetahuan agama.
Ulama intelektual	: Ulama yang di samping menguasai pengetahuan agama juga menguasai ilmu pengetahuan umum.
Ulil Amri	: Pemerintah.
Ukhuwah Islamiyah	: Persaudaraan umat islam.

# TRANSLITERASI

Dalam tesis ini, untuk mengeja perkataan-perkatan Arab, nama, gelaran, digunakan transliterasi sebagai berikut:

## Konsonan :

Nama:	Bentuk:	Transliterasi:
Hamzah	ء	
alif	ا	a
ba'	ب	b
ta'	ت	t
tsa'	ٿ	ts
jim	ج	j
ha'	ڇ	h
kha'	ڙ	kh
dal	ڏ	d
dhal	ڔ	dh
ra'	ڦ	r
zay	ڙ	z
sin	ڙ	s
shin	ڙ	sh

Nama:	Bentuk:	Transliterasi:
sad	س	s
dad	د	d
ta'	ت	t
za'	ظ	z
'ayn	ع	' -
ghain	غ	gh
fa'	ف	f
qaf	ق	q
kaf	ك	k
lam	ل	l
mim	م	m
nun	ن	n
ha'	ه	h
waw	و	w/u
ya	ي	ya

### Catatan:

1. Kata sandang yang diikuti huruf syamsiyah di transliterasikan sesuai dengan bunyinya, iaitu huruf (1) diganti dengan huruf yang sama dengan huruf yang langsung mengikuti kata sandang itu.

Contoh: - as – Sunnah = السُّنَّة

- ar – Rahman = الرَّحْمَن

2. Kata sandang yang diikuti huruf qamariyah ditransliterasikan sesuai dengan aturan yang digariskan di depan dan sesuai pula dengan bunyinya.

Contoh: - al-Quran = القرآن

- al-qalam = القلم

3. Huruf kapital:

Huruf ini digunakan untuk menuliskan huruf awal nama diri dan permulaan kalimat. Bila nama diri didahului kata sandang, maka yang ditulis dengan huruf kapital adalah tetap nama diri itu, bukan huruf awal kata sandangnya.

Contoh:

- al-Bukhari = البخاري

- al-Hakim = الحاكم

## **SENARAI SINGKATAN.**

ABRI	: Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
ABIM	: Angkatan Belia Islam Malaysia.
AMS	: Algemene Middlebare School.
BAPINDO	: Bank Pembangunan Indonesia.
BPUPKI	: Badan Penyelidik Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia.
DDII	: Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia.
DPR	: Dewan Perwakilan Rakyat.
DPRD	: Dewan Perwakilan Rakyat Daerah.
DPRGR	: Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong
DMS	: Dewan mesjid Sedunia.
ELS	: Europeesche Largere School.
GOLKAR	: Golongan Karya.
HBS	: Hogere Burger School.
HCMN	: Hospital Cipto Mangun Kusumo.
HIS	: Hollands Inlandche School.
HMI	: Himpunan Mahasiswa Islam.
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri.
ICMI	: Ikatan Cendekiawan Muslim se Indonesia.
ICU	: Intensive Care Unit.
IKIP	: Institut Ilmu Kejuruan dan Ilmu Pendidikan
IPKI	: Ikatan Pendukung Kemerdekaan Indonesia.

JIB	: Jong Islamieten Bond.
KODAM	: Komando Daerah Militer.
KMB	: Konferensi Meja Bundar.
KNIP	: Komite Nasional Indonesia.
KNIL	: Koninklijke Nederlandsche Indische Leger.
LP3ES	: Lembaga Penelitian Pengembangan dan Pembangunan Ekonomi Sosial
MASYUMI	: Majlis Syura Muslimin Indonesia.
MPR	: Majlis Permusyawaratan Rakyat.
MIAI	: Majlis al-Islam A'la Indonesia.
MULO	: Meer Uitgebreid Lager Onderwijs.
NATIPIJ	: Nationale Islamitische Panvindrij.
NU	: Nahdatul Ulama.
OKI	: Organisasi Konfrensi Islam.
PB	: Pengurus Besar.
PBB	: Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu.
PP	: Pimpinan Pusat.
PW	: Pengurus Wilayah.
PC	: Pengurus Cabang.
PERSIS	: Persatuan Islam.
PII	: Parti Islam Indonesia.
PII	: Pelajar Islam Indonesia
PERMI	: Persatuan Muslimin Indonesia.

PEMILU	: Pemilihan Umum.
PPP	: Parti Persatuan Pembangunan.
PDI	: Parti Demokrasi Indonesia.
PERTI	: Persatuan Tarbiyah Islam.
PARMUSI	: Parti Muslimin Indonesia.
PKI	: Parti Komunis Indonesia.
PENDIS	: Pendidikan Islam.
PARTINDO	: Parti Indonesia.
PRI	: Parti Rakyat Islam.
PSI	: Parti Sarekat Islam.
PSII	: Parti Sarikat Islam Indonesia.
PSIHT	: Parti Sarikat Islam Hindia Timur.
PDRI	: Pemerintah Darurat Republik Indonesia.
PRRI	: Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia.
PNI	: Parti Nasional Indonesia.
PIR	: Parti Indonesia Raya.
PI	: Perhimpunan Indonesia.
PPKI	: Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia.
RIS	: Republik Indonesia Serikat.
RMS	: Republik Maluku Selatan.
RRI	: Radio Republik Indonesia.
RUU	: Rancangan Undang Undang.

SDI	: Sarekat Dagang Islam.
SI	: Sarekat Islam.
SOBSI	: Sentral Organisasi Buruh Seluruh Indonesia.
THS	: Technische Hoge School.
TNI	: Tentara Nasional Indonesia.
UII	: Universitas Islam Indonesia
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia.
USM	: Universiti Sains Malaysia.
UUD	: Undang Undang Dasar.
VOC	: Veerinige Ostandische de Compagnie.
WMC	: World Muslim Congress.
WML	: World Muslim League.

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.1. Latar Belakang Kajian

Dalam sejarah politik di Indonesia, pengkajian tentang kehidupan, pemikiran dan perjuangan seseorang tokoh, terutamanya tokoh politik boleh dikatakan merupakan bidang yang belum banyak mendapat perhatian. Kajian seumpama itu lebih banyak diminati oleh sarjana asing jika dibandingkan dengan sarjana tempatan.

Sebagai contoh dikemukakan bahawa dalam dunia akademik di Indonesia sehingga tahun 1988 belum pernah ada yang menulis buku tentang Sukarno (1901-1970), yang merupakan salah seorang tokoh proklamator kemerdekaan dan juga bekas Presiden Republik Indonesia yang pertama.<sup>1</sup> Sebaliknya, di luar negeri buku-buku ilmiah tentangnya telah lama ditulis oleh sarjana asing<sup>2</sup>. Malah sebahagian dari buku-buku ini telah dijadikan sebagai bahan rujukan untuk kajian tentang Indonesia. Apakah faktor penyebab para

---

<sup>1</sup> Nazaruddin Syamsuddin (ed.) *Sukarno : Pemikiran Politik dan Kenyataan Praktek*, Jakarta: Rajawali, 1988, hlm. vii.

Nama Sukarno ada kalanya ditulis dengan Soekarno, atau Bung Karno. Kajian ini menggunakan tulisan Sukarno, terkecuali di dalam kutipan.

<sup>2</sup> Buku - buku tentang Sukarno yang ditulis di luar negeri antara lain ialah :  
- Cindy Adam, *Penyambung Lidah Rakyat*, Jakarta : Gunung Agung, 1966, Bernard Dahm, *Soekarno and The Struggle for Indonesian Independence*, Ithaca, New York: Cornell University Press, 1969, John D. Legge, *Sukarno: A Political Biography*, Allen Lane : The Penguin Press, 1972.C.L.M Penders, *The Life and Times of Sukarno*, Kuala Lumpur,

ilmuan Indonesia kurang berminat untuk menulis tentang Sukarno? Apakah mungkin topik seperti itu termasuk di dalam katagori yang sensitif, atau ada faktor-faktor lain yang menyebabkan hal itu berlaku?

Pada pandangan pengkaji, bukan sahaja kajian tentang Sukarno, malah kajian mengenai tokoh-tokoh yang lain juga kurang mendapat perhatian di Indonesia. Selain daripada kajian yang demikian merupakan perkara yang sensitif, masalah kebebasan akademik juga merupakan salah satu hambatan yang menyebabkan para ilmuwan di Indonesia kurang berani untuk mengkaji tentang tokoh-tokoh tempatan. Akibatnya, ramai di kalangan generasi muda yang tidak mengenali para pemimpin bangsa yang terdahulu. Misalnya, ada pihak yang tidak mengenali langsung Mohammad Natsir (1908-1993), bekas Perdana Menteri Republik Indonesia yang memerintah pada tahun 1950-1951.

Berdasarkan pada pandangan yang dikemukakan diatas , dapatlah ditegaskan bahawa sampai tahun 1980-an, kajian mengenai tokoh tempatan kurang diminati oleh para ilmuwan Indonesia, jika dibandingkan dengan ilmuwan-ilmuwan asing. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1980-an, terdapat juga beberapa kajian tentang Sukarno yang dilaksanakan oleh pengkaji

tempatan. Tetapi, hasilnya belum setanding dengan kajian yang dilaksanakan oleh sarjana asing sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti.<sup>3</sup>

Sementara itu, Mohammad Natsir melihat kurangnya minat sarjana tempatan untuk membuat kajian tentang tokoh nasional sebagai salah satu kekurangan yang harus diatasi. Akibat dari itu, rakyat Indonesia terpaksa terus bergantung kepada sarjana asing untuk mengenali tokoh mereka sendiri. Pengaruh yang lebih negatif ialah generasi muda bangsa Indonesia tidak dapat memahami perjuangan bangsa sendiri. Dalam hubungan ini, Natsir mengatakan bahawa:

Akibatnya antara lain ialah, bahwa sering kali kita lebih banjak dapat mengetahui mengenai urutan peristiwa-peristiwa perjuangan kita, dari buku-buku jang ditulis, oleh sardjana-sardjana asing, jang njatanja, amat teliti dan tekun mentjatat perjalanan sedjarah Indonesia. Akibat jang kedua ialah, bahwa generasi muda kita sekarang,- apa lagi yang akan datang - jang tidak mendapat kesempatan menghajati perjuangan jang sudah kita alami, tidak mempunyai bahan jang tjukup untuk mendapat gambaran jang lebih tepat dari perkembangan sedjarah kita, apalagi untuk memberi penilaian atas hasil dan peranan pemimpin dan pribadinja masing-masing.<sup>4</sup>

Sementara itu, dalam khazanah dunia keilmuan di Indonesia, kajian tentang organisasi massa Islam mendapat tempat yang lebih besar jika dibandingkan dengan kajian tokoh. Sebagai contoh dapatlah dikemukakan beberapa kajian yang telah dijalankan, iaitu tentang organisasi

---

<sup>3</sup> Kajian-kajian tentang Sukarno yang dilaksanakan oleh pengkaji tempatan antara lain ialah, Solihin Salam, *Bung Kurni Putera Fajar*, Jakarta: Gunung Agung, 1982, Muhammad Ridwan Lubis, *Pemikiran Sukarno Tentang Islam*, Jakarta : Masagung, 1992.

Muhammadiyah,<sup>5</sup> Nahdatul Ulama<sup>6</sup>, Masyumi,<sup>7</sup> dan Persatuan Islam.<sup>8</sup> Begitu pula dengan kajian tentang Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) yang ditubuhkan oleh para cendekiawan muslim dari seluruh Indonesia. Kehadiran ICMI telah mewarnai suasana politik di Indonesia pada masa kini.<sup>9</sup>

Kajian-kajian tersebut memberikan sumbangan yang sangat besar dalam memahami kedudukan organisasi-organisasi Islam dalam masyarakat

---

<sup>4</sup> Mohammad Natsir , dalam S.U.Bajasut, *Alam Fikiran Dan Djedjak Perjuangan Prawoto Mangkusasmito*, Surabaja : Documenta, 1972, hlm.xvii.

<sup>5</sup> Kajian Akademik tentang Muhammadiyah (ditubuhkan pada tahun 1912), dengan tujuan untuk menegakkan dan menjunjung tinggi agama Islam sehingga terwujudnya masyarakat utama, adil dan makmur serta diridhoi Allah s.w.t., telah dibuat antara lain oleh Alfian,: *The Muhammadiyah Movement During the Dutch Colonial Period (1912-1942)*. Tesis Doktor Falsafah , University of Wisconsin, 1969.

Selain Alfian kajian juga dibuat oleh Mitsuo Nakamura, *The Crescent Arises Over the Banyan Tree: A Study of the Muhammadiyah Movement in a Central Java Town*. Tesis Doktor Falsafah, Cornell University Ithaca, New York, 1976.

<sup>6</sup> Kajian tentang Nahdatul Ulama (ditubuhkan pada tahun 1926, dengan tujuan, berlakunya ajaran Islam yang berhaluan Ahlu-al-Sunnah wa al-Jama'ah dan mengikuti salah satu madzhab empat di tengah-tengah kehidupan didalam wadah negara kesatuan Republik Indonesia yang berdasarkan Pancasila dan Undang-Undang dasar 1945), dilakukan oleh Mochtar Naim, *The Nahdatul Ulama Party (1952-1955) An Enquiry Into The Origin of Its Electoral Success*. Tesis M.A Mc Gill University, 1962.

<sup>7</sup> Kajian tentang Masyumi (ditubuhkan dalam tahun 1945 dengan tujuan, terlaksananya ajaran dan hukum Islam didalam kehidupan orang perseorangan, masyarakat dan negara Republik Indonesia, menuju keridhaan Illahi) telah dijalankan antara lain oleh Deliar Noer, *Masyumi: Its Organization, Ideology, and Political Role in Indonesia*. Tesis M.A. Cornell University, Ithaca, New York, 1960.

<sup>8</sup> Kajian tentang Persatuan Islam (ditubuhkan pada tahun 1923, dengan tujuan: untuk mengamalkan segala ajaran Islam, dalam setiap segi kehidupan anggotanya dalam masyarakat, dan untuk menempatkan kaum Muslimin pada ajaran aqidah dan syariah yang murni berdasarkan Qur'an dan Sunnah), telah dijalankan oleh Howard M. Federspiel, *Persatuan Islam: Islamic Reform in Twentieth Century Indonesia*, Ithaca,N.Y.:Modern Indonesia Project, Cornell University, 1970.

<sup>9</sup> Kajian tentang ICMI (ditubuhkan pada tahun 1990,, yang bertujuan meningkatkan mutu kecendekiawanan dan menegaskan peranan . . . cendekiawan muslim se-Indonesia dalam pembangunan nasional sebagai pengamalan Pancasila dan pelaksanaan Undang-Undang Dasar 1945 guna mewujudkan tata kehidupan manusia yang damai, adil, sejahtera lahir bathin yang diridhoi Allah s.w.t,) dilakukan oleh M. Syaf'i Anwar, *Negara dan Cendekiawan Muslim Indonesia Orde Baru*, Jakarta: Lembaga Penelitian Pengembangan dan Pembangunan Ekonomi Sosial (LP3ES), 1993.

Indonesia, misalnya tentang sejarah dan perkembangan semasa dan juga tentang peranan organisasi itu masing-masing dalam percaturan politik di Indonesia. Tetapi belum banyak lagi kajian yang dilakukan tentang penglibatan dan peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh tertentu dalam organisasi-organisasi tersebut. Pada hal dalam mengkaji kehidupan, tindak tanduk dan penglibatan seseorang tokoh itu, kita sebenarnya dapat meneliti sejarah politik sesuatu masyarakat atau negara dengan lebih rapat.<sup>10</sup>

Peranan yang dimainkan oleh seseorang tokoh, banyak memberikan pengaruh kepada organisasi yang dipimpinnya. Dalam banyak hal, pengaruh dari seseorang tokoh itu juga turut mewarnai dan mempengaruhi keputusan politik dan matlamat sesuatu organisasi. Setiap tokoh mempunyai keperibadian dan kepimpinannya tersendiri dan hal ini membawa pengaruh kepada cara ia memimpin dan mencorakkan kehidupan masyarakat. Kepimpinan seseorang juga berhubung kait dengan latar belakang keluarga, taraf pendidikan, suasana persekitaran dan faktor-faktor lainnya.

Kajian ini akan menelaah pemikiran dan perjuangan salah seorang tokoh yang terkemuka di Indonesia iaitu, Mohammad Natsir. Ini kerana beliau adalah salah seorang pelaku sejarah yang terlibat secara langsung dalam usaha untuk mencapai dan membina kemerdekaan Indonesia. Pengkaji yang mulai mengenalinya pada tahun 1970, berpandangan bahawa beliau juga adalah "... sebagai pelaku yang turut mengukir berbagai peristiwa

---

<sup>10</sup> Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. xxi.

penting dalam sejarah perjuangan bangsa Indonesia".<sup>11</sup> Lantaran itu peranan beliau seharusnya perlu dikaji bagi memperlengkapkan pemahaman kita tentang sejarah Indonesia moden.

Selain merupakan seorang pemikir, ketokohan Mohammad Natsir dapat dilihat dari pelbagai aspek yang lain. Antaranya, pertama, kedudukannya sebagai tokoh nasional dan sekaligus sebagai negarawan. Keduanya, ia sebagai tokoh agama (Islam) dan yang ketiganya, beliau dapat dilihat sebagai seorang tokoh antarabangsa. Oleh sebab itu, saham yang diberikannya dalam perkembangan sejarah nasional Indonesia adalah amat besar sekali.

Sebagai seorang pemikir, Mohammad Natsir telah mulai menuliskan pemikiran-pemikirannya sejak belajar di Sekolah Menengah, iaitu ketika ia berusia 20-an dan berlanjutan hingga ke akhir hayatnya. Pemikirannya yang telah dihimpunkan ke dalam pelbagai buku, risalah dan artikel, merupakan salah satu sumbangan yang besar dalam memperkayakan khazanah ilmu pengetahuan dan juga pemaparan tentang sejarah Indonesia. Beliau mengemukakan pemikiran - pemikirannya, bukanlah semata-mata sebagai renungan seorang intelektual yang berada di atas menara gading,

---

<sup>11</sup> Mohammad Noer, "Sumbangan Pemikiran dan Kepemimpinan Mohammad Natsir", makalah pada Seminar Pemikiran Mohammad Natsir anjuran ABIM dan IKD, 18 April 1993, hal. 7.

malah Natsir menuliskan pemikirannya dalam konteks pergerakan sosial, keagamaan dan politik yang beliau sendiri alami.<sup>12</sup>

Sebagai seorang tokoh Nasional, Natsir yang dikenali juga sebagai seorang politikus dan negarawan, sejak tahun 1928 lagi telah terlibat dalam pelbagai aktiviti politik. Semasa duduk di bangku *Algemene Middelbare School* (AMS).<sup>13</sup>, beliau telah menjadi ahli *Jong Islamieten Bond* (JIB) dan kemudiannya menjadi Yang Dipertua pertubuhan itu dari tahun 1928 sehingga 1932.<sup>14</sup>

Mengikut Mohammad Natsir, keterlibatannya dalam JIB telah memberikan peluang kepadanya untuk belajar tentang politik dan memahami perjuangan bangsa Indonesia yang pada ketika itu sedang berjuang untuk memperolehi kemerdekaan daripada penjajahan Belanda. Di dalam JIB juga, beliau mengenali Haji Agus Salim, (1884-1954),<sup>15</sup> yang kemudiannya menjadi salah seorang gurunya. Pada masa yang sama, ia juga berkenalan dengan Mohamad Roem (1908-1983),<sup>16</sup> Sjafruddin

---

<sup>12</sup> Yusril Ihza, "Modernisme Islam dan Demokrasi: Pandangan Politik Mohammad Natsir", dalam "Jurnal Islamika" No. 3, 1994, hlm. 66.

<sup>13</sup> AMS setingkat dengan Sekolah Menengah Atas.

<sup>14</sup> JIB ditubuhkan pada tahun 1925 oleh Raden Syamsurizal.

<sup>15</sup> Haji Agus Salim adalah seorang cendekiawan dan pemimpin Islam Indonesia yang berpengaruh. Dia pernah bekerja sebagai Konsul Belanda di Jeddah (1906 - 1911). Beliau salah seorang tokoh penting dalam Parti Syarikat Islam Indonesia (PSII) dan pada tahun 1936 menubuhkan Parti Penyedar. Salim bercita-cita untuk menyatukan kekuatan ummat Islam seluruh dunia dan untuk mewujudkan cita-cita itu, ia aktif dalam pergerakan Islam. Setelah merdeka ia pernah menjadi Menteri Muda Luar Negeri Indonesia (1947 - 1949). Pada tahun 1954, Haji Agus Salim menjadi pensyarah pada Cornell University, Amerika Syarikat. Salah satu kelebihan Agus Salim yang menonjol ialah penguasaannya dalam bahasa asing yang baik. Beliau dikatakan dapat berbahasa **Belanda, Inggeris, Jerman, Arab, Perancis, Jepun dan Turki.**

<sup>16</sup> Mohammad Roem merupakan seorang tokoh pergerakan Islam, tokoh politik dan diplomat yang terkenal. Beliau pernah menduduki jawatan-jawatan penting seperti ; Yang Dipertua

Prawiranegara (1911-1989),<sup>17</sup> Prawoto Mangkusasmito (1910-1970),<sup>18</sup> Kasman Singodimejo (1904-1982),<sup>19</sup> yang akhirnya menjadi teman-teman seperjuangannya dalam Parti Masyumi dan Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia. Mengikut pengakuan Natsir, di dalam JIB ini jugalah beliau mulai terlibat dalam gerakan organisasi Islam di bidang politik<sup>20</sup>

---

Komite Nasional Indonesia Pusat (KNIP) di Jakarta (1945-1946), Menteri Dalam Negeri (1946-1947), Anggota delegasi Indonesia dalam perundingan dengan Belanda yang menghasilkan Persetujuan Lingkarjati, Ketua delegasi Indonesia dalam perundingan dengan Belanda yang menghasilkan pernyataan bersama Roem - Royen (1949), Menteri Negara (1949-1950), Anggota Pimpinan Pusat Parti Masyumi (1950-1959), Menteri Luar Negeri Indonesia (1950 - 1951), Menteri Dalam Negeri (1952-1953), dan Timbalan Perdana Menteri (1956-1957).

<sup>17</sup> **Syafruddin Prawiranegara** adalah salah seorang anggota pimpinan Masyumi. Beliau juga adalah pakar ekonomi yang pernah menduduki jawatan-jawatan penting di antaranya ialah; Menteri Kewangan dari 1946-1947 dan 1950-1951, Menteri Sosial (1948), Menteri Pertahanan dan Luar Negeri sekaligus sebagai pemangku Perdana Menteri dan Presiden Pemerintahan Darurat Republik Indonesia (PDRI), sewaktu Ibu Kota Yogyakarta diduduki oleh Belanda dan Presiden Sukarno serta beberapa orang anggota kabinet lainnya ditangkap oleh Belanda. Pada tahun 1958, Syafruddin juga adalah Perdana Menteri Pemerintahan Revolucioner Republik Indonesia.

<sup>18</sup> **Prawoto Mangkusasmito** adalah salah seorang anggota Pimpinan Masyumi dan pernah menjadi Yang Dipertua parti itu pada tahun 1959. Pada tahun 1950, beliau pernah menjadi penasihat delegasi Indonesia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pada tahun 1952-1953, beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Prawoto boleh dikatakan salah seorang pimpinan Masyumi yang paling berat menghadapi persoalan. Kerana kepadanya diamanahkan tanggung jawab untuk menghadapi kekuasaan mutlak Sukarno dan Parti Komunis Indonesia (PKI) ketika itu. Didalam situasi yang seperti itu, beliau tetap teguh kepada pendirian parti dan pendiriannya untuk tidak berganjak setapak pun, hingga pada masa pembubaran Masyumi oleh Sukarno pada tahun 1960. Prawoto mengambil tanggung jawab sepenuhnya sesudah partinya dibubarkan, dan beliau juga berupaya untuk merehabilitasi penubuhan Masyumi.

<sup>19</sup> **Kasman Singodimejo** adalah seorang tokoh pergerakan, tokoh politik dan tokoh Islam di Indonesia. Beliau adalah pendiri dan Pengurus Besar Kepanduan Nasional Indonesia (1925-1929), anggota pengurus Jong Java, 1923, Yang Dipertua Jong Islamitien Bond, Jakarta (1929-1935). Beliau pernah menduduki jawatan Menteri Muda Kehakiman pada tahun 1947 hingga 1948, dalam kabinet Amir Sjarifuddin.

<sup>20</sup> Memoar, *Senarai Kiprah Sejarah*, Buku kedua, Jakarta: Grafiti, 1993, hlm.20.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Borang Arahan Menjilid Bagi Buku

MUHAMMAD NOER

MUHAMMAD NATSIR

PENALARAN DAN PERJUANGANNYA  
TERHADAP ISLAM ---.

JILID	NO. PEROLEHAN	BIL. NASKAH
	COPY NUMBER	/

JENIS BAHAN JILID			
MERAH	BUCKRAM	LAIN-LAIN	<i>Layal</i>

MENGIKUT KEUTAMAAN PENJILID	
N KEPADA	ARAHAN-ARAHAN LAIN
BC	

PAPAN KHAS	
	TARIKH DIPINJAM:

RSEDIAAN: 21/4/03	TANDATANGAN: <i>Noer</i>
LEH:	
HANTAR: 22 APR 2003	PENERIMA:
PULANGKAN MAY 2003	PENERIMA:

Selain itu, Mohammad Natsir juga aktif dalam organisasi **Persatuan Islam** (Persis) dan beliau dikenali sebagai salah seorang tokoh Persis di samping tokoh-tokoh yang lain seperti, Zamzam, Muhammad Yunus, Fakhruddin Al-Khairi, E. Abdurrahman dan A. Hassan.<sup>21</sup> Sebagai Timbalan Yang Dipertua Pimpinan Pusat Persis, Mohammad Natsir juga terlibat dalam pelbagai kegiatan seperti keagamaan, politik dan penulisan. Beliau juga telah banyak menyumbangkan tulisan-tulisan dalam penerbitan Persis, dan membina kegiatan keagamaan serta turut mengajar pada Pondok Persatuan Islam di Bandung.

Pada tahun 1940, iaitu ketika Soekiman Wirjosandjojo<sup>22</sup> ( 1898 - 1974) dan Wiwoho Purbohadidjojo<sup>23</sup> mendirikan Parti Islam Indonesia (PII) di Yogyakarta, orang yang pertama sekali menyambutnya di Bandung adalah Mohammad Natsir. Beliau segera bergabung sebagai ahli parti dan

---

<sup>21</sup> Syafiq A. Mughni, *Hassan Bandung, Pemikir Islam Radikal*, Surabaya: Bina Ilmu, 1994, hal. 65. Ahmad Hassan dikenali juga sebagai Hassan Bandung. Mungkin gelaran ini melekat pada dirinya kerana ia lama bermastautin di Bandung. Beliau dilahirkan di Singapura. Pada tahun 1921, A.Hassan berpindah ke Surabaya, Indonesia. Selama di sana ia banyak bergaul dengan tokoh-tokoh Islam di antaranya ialah dengan ~~Faiz~~ Hasyim, A.Wahab Abdullah. Pada tahun 1924, beliau menetap di Bandung dan bergaul rapat dengan orang-orang dari Persatuan Islam dan seterusnya aktif dan menjadi guru dalam organisasi itu.

<sup>22</sup> Soekiman adalah salah seorang tokoh utama Masyumi dan ia adalah Yang Dipertua Masyumi untuk pertama sekali (1945 - 1949 ). Ketika menjadi mahasiswa pada Fakulti Perubatan di Universiti Amsterdam ia menjadi Yang Dipertua **Perhimpunan Indonesia** di Belanda. Ketika kembali ke tanah air Soekiman bergabung dalam PSII (1927). Beliau juga adalah salah seorang pengasas Parti Islam Indonesia (PII). Menjelang kemerdekaan, beliau menjadi anggota Badan Penyelidik Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia. Sesudah kemerdekaan beliau menduduki beberapa jabatan penting antara lain ialah; Menteri Dalam Negeri (1945 - 1949 ) dan pada tahun 1951 - 1952 menjadi Perdana Menteri Kabinet Soekiman - Suwirjo yang dikenali juga dengan **Kabinet Susu**. Dalam usia tua (1960 - 1974), beliau aktif membina Universiti Islam Indonesia (UIN) dan juga menjadi penasehat pimpinan Muhammadiyah. Lihat H.Amir Hamzah. WS, *Wawasan Politik Seorang Muslim Patriot*, Malang : YP2LPM, 1994.

mendirikan cawangannya di Bandung dan selanjutnya Natsir dipilih menjadi Yang Dipertua PII Cawangan Bandung. Di sinilah bermulanya penglibatan Mohammad Natsir dalam bidang politik secara formal, dan beliau memilih parti politik yang berasaskan Islam kerana bersesuaian dengan jiwa dan perjuangannya.<sup>24</sup>

Di masa pendudukan Jepun (1942-1945), beliau aktif dalam kepimpinan *Majlis al-Islam A La Indonesia (MIAI)*, yang merupakan satu badan federasi dari organisasi sosial dan politik Islam. Pada awal kemerdekaan Indonesia, ia menjadi ahli Jawatan kuasa kerja **Komite Nasional Indonesia Pusat (KNIP)**, dan seterusnya dilantik menjadi Menteri Penerangan (1946-1948).<sup>25</sup> Karier politiknya telah sampai kepada kemuncak pada tahun 1950, iaitu, ketika beliau dilantik sebagai Perdana Menteri yang pertama di dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia. Selain itu, ia juga pernah menjadi Yang Dipertua parti Islam Masyumi dari tahun 1949 hingga 1958 dan pada tahun 1950 hingga 1958 pula, ia mewakili Parti Masyumi ke Parlimen Indonesia.

Sebagai seorang tokoh agama, Natsir dikenali juga sebagai salah seorang yang besar sumbangannya dalam gerakan reformis Islam di Indonesia. Hal ini dapat dibuktikan dengan keterlibatannya dalam organisasi Persis sebagai salah satu organisasi reformis Islam yang ada di Indonesia.

---

<sup>23</sup> Wiwoho, adalah salah seorang pengasas PII. Beliau juga adalah anggota pimpinan Masyumi dan pernah memegang jawatan sebagai anggota *Volkstraad Hindia Belanda* dan pada tahun 1950, dilantik sebagai Menteri Penerangan.

<sup>24</sup> Tamar Djaja., . *Islam Sebagai Ideologie*, Djakarta : Djaja Murni, 1950, hlm 5

<sup>25</sup> KNIP merupakan Parlimen Sementara Republik Indonesia..

Selain itu, dapat juga dilihat dari kenyataan yang dikemukakan oleh Profesor George Mc Turnan Kahin dari Cornell University, yang menyatakan bahawa sumbangan yang paling besar Natsir pada Indonesia ialah dalam diskusinya mengenai pengaruh aliran-aliran reformis dalam Islam. Sehubungan dengan itu, Kahin menyatakan bahawa :

*Natsir's greatest contribution to my understanding of his country was in his discussion of the influence of reformist currents in Islam and the ways in which he and other Moslem leaders were attempting to apply Islamic concepts to the concrete realities of Indonesian society.*<sup>26</sup>

Apa yang telah dikemukakan oleh Kahin, dapat dibuktikan dalam perjalanan hidup Natsir. Dalam kepimpinan, pemikiran dan perjuangannya beliau selalu menggunakan konsep-konsep Islam serta menerapkannya dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Dengan perkataan lain, beliau berpikir, bersikap dan bertindak dengan berteraskan kepada Islam.

Dalam arena dunia antarabangsa Mohammad Natsir juga dikenali sebagai salah seorang tokoh dunia Islam. Beliau giat dan aktif dalam aktiviti Islam di peringkat antarabangsa. Pada tahun 1967 hingga akhir hayatnya, beliau menjadi Timbalan Presiden, *Muktamar al- Alam al-Islami* (*World Muslim Congress*) yang berpusat di Karachi, Pakistan. Sejak tahun 1969 hingga akhir hayatnya, beliau aktif dalam *Rabitah al Alam al-Islami* (*World Muslim League*) dan menduduki jawatan sebagai ahli *Majlis Ta'sisi* (*Majlis Tertinggi*) dalam organisasi tersebut. Sejak 1976, beliau menjadi ahli *A'la al*

---

<sup>26</sup> George Mc. Turnan Kahin, "Muhammad Natsir", dalam Yusuf Abdullah Puar, *Muhammad Natsir 70 Tahun: Kenang-Kenangan kehidupan dan Perjuangan*, Jakarta: Antara, 1976, hlm.330.

-`Alamy `il Masajid ( Dewan Masjid Sedunia ). Kedua-dua organisasi ini beribu pejabat di Makkah, Arab Saudi.

Berdasarkan kepada sumbangan-sumbangan beliau yang dinyatakan di atas , sehingga tahun 1996 beliau merupakan satu-satunya tokoh dari rantau Asia Tenggara yang menerima penghargaan dan pengiktirafan antarabangsa, iaitu *Ja`izat al- Malik Faisal al-`Alamiyyah*<sup>27</sup> (Hadiah International Malik Faisal) pada tahun 1980. Penghargaan tersebut diperolehi atas jasa-jasanya dibidang perkhidmatan kepada Islam.<sup>28</sup>

Berdasarkan pada gambaran yang dikemukakan di atas, kajian ini akan menelaah pemikiran dan perjuangan Mohammad Natsir tentang Islam, Politik dan Negara. Walau bagaimanapun, untuk mengkhususkan skop penyelidikan, kajian ini hanya dibataskan kepada perjuangannya dalam bidang politik, peranannya dalam gerakan reformis Islam di Indonesia dan pemikirannya tentang hubungan Agama dan Negara, serta Islam dan Pancasila. Pemilihan isu-isu yang akan dijadikan tumpuan kajian ini

---

<sup>27</sup>.Lembaga ini ditubuhkan pada tahun 1975 untuk mengenang jasa-jasa Allahyarham Raja Faisal bin `Abdul `Aziz. Matlamat penubuhan lembaga ini ialah untuk memperhatikan dan mengikuti perkembangan dan pencapaian dalam dunia Islam yang meliputi bidang:

- **Dirasat al-Islamiyyah** ( Pengajian ilmu-ilmu Islam),  
- **Khadimat al-Islam** ( perhidmatan kepada Islam) dan **Sastera Arab**.

Mengikut penilaian pengadil, ada lima faktor yang menyebabkan Natsir dapat penghargaan sedemikian. Pertama karya-karya Natsir di bidang dakwah serta usahanya mendirikan Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia. Kedua, usaha-usahanya untuk menyelesaikan persoalan kaum muslimin dan untuk mewujudkan perpaduan di antara mereka. Ketiga, kegigihannya melawan penjajahan yang ada di Indonesia sehingga memperolehi kemerdekaan. Keempat, karyanya yang sungguh-sungguh dalam melawan aliran-aliran distruktif, atheisme dan lain-lain dan yang kelima, bimbingan yang diberikannya kepada pelbagai organisasi di Indonesia untuk pembinaan pemuda-pemuda Islam.

<sup>28</sup> Penghargaan yang sama telah diberikan pula kepada seorang ulama besar dari Lucknow, India, iaitu Syeikh Abul Hasan al-Nadwi. Pada tahun 1979, penghargaan serupa diberikan kepada seorang ulama besar dari Pakistan, iaitu Sayyid Abul A'la al-Maududi.

berdasarkan pertimbangan bahawa tajuk-tajuk yang akan dibahaskan dapat mewakili dimensi pemikiran dan perjuangan Mohammad Natsir yang multi-dimensional itu.

## 1.2. Matlamat Kajian

Berdasarkan kepada beberapa maklumat yang telah dikemukakan di atas, matlamat kajian ini boleh diuraikan sebagai berikut:

- a. Untuk mengesan dan menyorot riwayat hidup serta khazanah pemikiran dan perjuangan Mohammad Natsir, khususnya yang berhubungkait dengan Islam, Politik dan Negara.
- b. Untuk menuลiskan mengenai jejak langkah pemikiran dan perjuangan Mohammad Natsir agar kita dapat melihat kedudukan yang sebenarnya dalam sejarah Indonesia.
- c. Untuk mengambil iktibar dari sejarah kehidupan dan perjuangan Mohammad Natsir sebagai contoh dan tauladan bagi generasi selanjutnya.
- d. Untuk memberikan penghargaan dan penilaian yang setimpal kepada sumbangan pemikiran dan perjuangan Mohammad Natsir sebagai seorang tokoh yang turut serta dalam membangunkan Indonesia.

### **1.3. Kajian Terdahulu Tentang Mohammad Natsir**

Sebelum memasuki perbincangan selanjutnya kita terlebih dahulu akan menbahaskan beberapa kajian yang pernah ditulis tentang Mohammad Natsir. Sehingga akhir tahun 1994 telah terdapat beberapa buah kajian yang berasingan pernah dilakukan tentang Mohammad Natsir. Walau bagaimanapun, kajian akademik secara khusus yang berkaitan dengan masalah-masalah yang dibahaskan dalam kajian ini belum pernah dilakukan. Oleh yang demikian, melalui kajian ini penulis mencuba untuk mengisi kekosongan tersebut yang wujud dalam sejarah politik di Indonesia.

Kajian tentang Mohammad Natsir, mula-mula sekali telah dilakukan pada tahun 1951 oleh Sultan Rais Alamsjah dengan menerbitkan sebuah buku yang bertajuk “**10 Orang Indonesia Terbesar**”. Dalam buku tersebut selain Natsir, Alamsjah juga telah menyentuh tentang tokoh-tokoh Indonesia yang lainnya seperti Sukarno, Mohammad Hatta, Mohammad Roem, Soekiman Wirjosandojo dan yang lainnya.

Dalam kajian ini Alamsjah membincangkan tentang masa muda Natsir, kepergiannya ke Bandung yang dikaitkan dengan pendidikannya, perjuangan dalam JIB, PII dan Masyumi. Selain itu Alamsjah juga menyingsung sedikit sebanyak berkenaan dengan jawatan Natsir sebagai Menteri Penerangan dan peranan yang ia mainkan dalam membentuk Negara Kesatuan Republik Indonesia pada tahun 1950. Sayangnya kajian ini bersifat terlalu umum, dan hanya menyentuh sedikit sahaja dari aspek-aspek yang dikemukakan.

Kajian yang hampir sama juga dijalankan oleh Tamar Djaya pada tahun 1952, yang diabadikan dalam bukunya "Mohd. Natsir: Dalam Revolusi Indonesia". Dalam kajian itu, Tamar Djaya membincangkan secara umum beberapa jawatan penting yang pernah diduduki oleh Natsir dalam pemerintahan dan parti. Jawatan-jawatan itu ialah: Menteri Penerangan (1946-1949), Yang Dipertua Parti Masyumi (1949), ahli Parlimen (1950), dan Perdana Menteri (1950-1951). Oleh kerana kajian ini dijalankan pada tahun 1952, maka perkembangan-perkembangan berikutnya tentang Mohammad Natsir sama sekali belum disentuh oleh pengkaji. Selain daripada itu, kajian tersebut lebih bersifat umum dan tidak menyentuh aspek-aspek pemikiran Mohammad Natsir.

Kajian-kajian yang lain dillakukan oleh Peter Burns bertajuk "**Revelation And Revolution: Natsir and the Panca Sila**". Kajian ini dijalankan untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan ijazah Sarjana pada *Department of Indonesian Studies at the University of Melbourne*, 1971. Ternyata dalam kajian itu Burns tidak membincangkan tentang latar belakang lahirnya Pancasila yang pada hakikatnya tidak boleh dilepaskan dari sejarah perjuangan bangsa Indonesia. Begitu juga beliau tidak menyentuh tentang Piagam Jakarta, yang dirumuskan pada 22 Jun 1945 dan merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada Undang-Undang Dasar 1945. Mengkaji tentang Pancasila, tanpa mengaitkannya dengan Piagam Jakarta bererti mengabaikan peranan yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh ummat

Islam di dalam mengisi kemerdekaan Indonesia, dan inilah kekurangan utama dari kajian Burns.

Sebuah penulisan lain tentang Natsir dilakukan oleh Yusuf Abdullah Puar bertajuk **‘Muhammat Natsir 70 Tahun’** yang diterbitkan dalam tahun 1970. Buku ini diterbitkan sempena hari jadi Natsir yang ke-70, dan dibahagikan kepada dua bahagian .Pertamanya, membincangkan tentang pelbagai aspek kehidupan dan perjuangan Natsir sejak lahir hingga berusia 70 tahun. Keduanya, berisikan artikel-artikel yang ditulis oleh beberapa orang tokoh yang sebahagian besar adalah sahabat-sahabat seperjuangan Natsir seperti, Mohammad Hatta, Hamka, Inamullah Khan, Mohammad Roem, Sjafruddin Prawiranegara dan yang lainnya. Dalam buku ini juga dimuatkan sebuah artikel yang ditulis oleh Profesor George Mc. Turnan Kahin, seorang pengamat dan juga pakar sejarah politik tentang Indonesia. Kahin telah mengenal Natsir sejak beliau menjadi Menteri Penerangan pada tahun 1947.

Oleh kerana rentang waktu yang diambil ialah selama 70 tahun (1908-1978), maka aspek-aspek yang dibincangkan dalam kajian tersebut bersifat terlalu umum. Tulisan tersebut hanya mengemukakan fakta sahaja tanpa sebarang penganalisaan terhadap tokoh yang diperkatakan itu.Selain itu, kajian tersebut banyak berisi sanjungan dan pujian terhadap Natsir, tanpa sumbangan penilaian. Walau bagaimanapun, buku ini banyak memberikan fakta-fakta sejarah yang penting mengenai kehidupan Mohammad Natsir.

Selaras dengan penulisan di atas, terdapat satu kajian lagi yang dibuat sempena ulang tahun Natsir yang ke 80 diterbitkan pada tahun 1988 bertajuk "**Pak Natsir 80 Tahun : Pandangan dan Penilaian Generasi Muda**". Buku ini diterbitkan dalam dua jilid. Jilid pertama, mengandungi sejumlah artikel yang ditulis oleh beberapa tokoh generasi muda tentang Natsir dan jilid kedua memuatkan tulisan-tulisan dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan Islam.

Artikel-artikel yang disajikan pada jilid pertama buku itu mengandungi huraian yang tidak menyeluruh dan pembahasannya hanya bersifat umum sahaja. Selain dari itu, para penulis dalam buku tersebut hanya terdiri dari aliran politik yang sama, sehingga manampulkan Natsir dalam persepsi yang hampir sama. Tentunya kajian ini akan lebih menarik dan bermakna seandainya para penulis juga terdiri dari aliran politik yang berbeza dengan Natsir, sehingga boleh menggambarkan suasana politik yang seimbang..

Masih dalam rangkaian hari jadi Natsir yang ke 80, diterbitkan juga sebuah buku yang bertajuk "**Mohammad Natsir Pemandu Ummat**" (1988). Buku ini hanya berisikan pesan dan kesan yang diucapkan pada acara kesyukuran sempena hari jadi Natsir yang berlangsung pada 17 Julai 1988. Di antara yang menyampaikan pesan dan kesannya dalam buku tersebut ialah K.H. Masjkur, Dr.H. Kusnadi, Jeneral Bersara Abdul Haris Nasution dan K.H. Hassan Basri. Kesemua mereka ini ialah teman-teman seperjuangan Natsir. Dari gambaran yang dikemukakan di atas dapatlah ditegaskan bahawa buku ini hanya mengemukakan pesan dan kesan teman-

teman seperjuangan Natsir sempena hari jadinya yang ke 80. Oleh yang demikian, buku tersebut hanya merakamkan ucapan-ucapan sahaja tanpa sebarang analisis tentang ketokohnya. Berdasarkan ucapan-ucapan yang dimuatkan di dalam buku tersebut, dapatlah ditegaskan bahawa ianya juga bersifat umum.

Selain itu, Deliar Noer telah menghasilkan sebuah buku berjudul **"Partai Islam di Pentas Nasional"** yang diterbitkan pada tahun 1987. Buku ini membincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh parti-parti Islam di Indonesia. Dalam kajian itu Deliar Noer antara lain menyentuh tentang Masyumi, terutama yang berhubungan dengan peranannya dalam pemerintahan. Dalam menyentuh tentang Masyumi inilah Deliar Noer membincangkan tentang Natsir yang turut menubuhkan parti itu serta menjadi Yang Dipertua dari tahun 1949 hingga 1958.

Deliar Noer juga menyentuh tentang kedudukan Natsir sebagai Perdana Menteri (1950-1951). Selain itu, beliau juga mengkaji tentang usaha Natsir membentuk kabinet dan perbezaan pendapat antara Natsir, yang mewakili Masyumi dengan Parti Nasional Indonesia (PNI). Perbezaan pendapat di antara kedua parti itu berkaitan dengan pembahagian kursi-kursi dalam kabinet yang diinginkan oleh Masyumi dan PNI. Walau bagaimanapun, buku ini tidak mengkaji secara khusus mengenai Mohammad Natsir. Sebaliknya, ia lebih menumpukan kepada peranan yang dimainkan oleh parti-parti Islam di Indonesia sahaja.

Satu lagi kajian tentang Mohammad Natsir dilaksanakan oleh Ajip Rosidi pada tahun 1990 bertajuk "**M. Natsir Sebuah Biografi**". Pada mulanya penulis merencana untuk membahagikan hasil kajiannya kepada tiga jilid. Jilid pertama, melukiskan kehidupan Natsir sehingga menjelang zaman Jepun memasuki Indonesia pada tahun 1942. Jilid kedua zaman awal pemerintahan Jepun hingga beliau dipenjarakan oleh rejim Sukarno pada tahun 1960 dan jilid ketiga membincangkan tentang kehidupan Mohammad Natsir selepas dibebaskan dari tahanan pada tahun 1966.

Tetapi sayangnya sehingga tahun 1990, Ajip Rosidi hanya dapat menyelesaikan kajian ini hingga jilid pertama sahaja. Hingga kini (1997) bahagian-bahagian selanjutnya masih belum diteruskan oleh pengkajinya. Andainya kajian itu selesai sehingga ke jilid akhir, ianya boleh dikatakan merupakan hasil kajian yang lengkap tentang Mohammad Natsir.

Daripada apa yang telah dipaparkan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa kajian yang lengkap bercorak akademik tentang tokoh ini masih sangat kurang. Pada hal sumbangan beliau dalam pelbagai bidang terutama sosio-politik dan agama yang berorientasikan Islam di rantau ini cukup besar. Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang telah dilakukan itu memberikan sumbangan yang sangat bererti dalam memperkayakan khazanah sejarah bangsa tentang Mohammad Natsir. Oleh yang demikian, melalui kajian ini penulis mencuba untuk mengisi kekosongan akademik yang wujud dalam sejarah politik di Indonesia, khususnya tentang Islam, politik dan negara..

## 1.4. Rangka Teori

Secara teori, pemikiran seseorang itu mempunyai hubungkait yang erat dengan nilai-nilai yang diperolehinya daripada masa kanak-kanak sehingga dewasa. Di antara faktor-faktor yang boleh membawa pengaruh kepada pemikiran seseorang ialah seperti latar belakang keluarga, pengaruh persekitaran, makanan, iklim, kebudayaan, pendidikan, lingkungan sosial dan sosialisasi intelektual.

Pengaruh tokoh tertentu, seperti guru atau pemimpin yang dikagumi, juga merupakan faktor yang dominan di dalam pembentukan corak pemikiran seseorang, terutamanya ketika ia mengalami usia pembentukan kepribadian. Di samping itu, pelbagai masalah ekonomi dan politik yang berlaku di sekitar kehidupan seseorang juga merupakan faktor yang penting di dalam usaha untuk memahami pemikirannya.

Faktor lain yang perlu diambil perhatian ialah kedudukan seseorang semasa ia mengemukakan fikirannya. Adakah ia berada di dalam kekuasaan politik atau di luar, sama ada sebagai pihak oposisi atau pemerhati dan begitu pula dengan cabaran pemikiran lain yang wujud pada zamannya.

Ibn Khaldun (1332-1406) dalam karyanya "**Muqaddimah Ibn Khaldun**" telah mengemukakan beberapa faktor yang boleh mempengaruhi pembinaan watak dan tabiat manusia. Faktor-faktor yang dimaksud ialah

seperti pengaruh udara, iklim, makanan, dan suasana persekitaran.<sup>29</sup> Apabila faktor-faktor yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dikaitkan dengan kehidupan Mohammad Natsir, maka terlihatlah kesan yang demikian pada diri beliau.

Mohammad Natsir dilahirkan di Alahan Panjang, Sumatera Barat, yang terkenal dengan sebuah bandar yang sejuk serta alamnya yang tenang lagi indah. Ketika berusia 19 tahun, beliau telah berpindah ke Bandung, Jawa Barat, yang dikenali pula dengan Kota Kembang dan suasana yang sejuk. Barangkali pengaruh udara inilah yang menjadikan Mohammad Natsir berjiwa tenang dan sejuk. Hal ini terlihat dari tutur katanya, ucapannya mahupun tulisannya. Manakala tutur kata beliau selalunya lemah lembut, pidatonya tidak pernah berapi-api, tetapi tenang dan sejuk. Oleh yang demikian, beliau digambarkan sebagai seorang penceramah yang sejuk dan menawan pendengarnya. Tulisan dan kritikannya meskipun tajam, tetapi ternyata tidak pernah menyakitkan hati pihak lawannya.<sup>30</sup>

Sementara itu, Gabriel Almond dan Sidney Verba , telah membahagikan faktor-faktor yang dapat mempengaruhi pembentukan watak dan pemikiran seseorang kepada tiga tahap<sup>31</sup>. Pertamanya, keluarga dan sekolah yang di dalamnya termasuk juga pola kekuasaan. Melalui proses sosialisasi pertama ini, dapat diamati bagaimana Mohammad Natsir berada

---

<sup>29</sup> Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Jilid I (terj, Yacub Ismail), Singapura: Pustaka Nasional, 1983, hlm. 151-159.

<sup>30</sup> Nazaruddin Razak, *Seorang Pemimpin Serba Wajah*, Fajar, 9 Februari 1993.

dalam asuhan ibu, bapa dan ahli keluarganya yang lain. Begitu juga pengaruh daripada alam persekolahan dan lingkungan pergaulannya serta adat resam Minangkabau.

Keduanya, di samping mempelajari orientasi politik melalui pengajaran yang formal, proses sosialisasi juga diperolehi dari pengalaman yang bersangkutan dengan politik yang bersifat terbuka. Apabila faktor ini dikaitkan dengan kehidupan Natsir selama di Bandung, selain mengikuti pendidikan formal, beliau juga membina pergaulan dengan tokoh-tokoh ulama dan para pemimpin bangsa. Selain daripada faktor pendidikan dan pergaulan, beliau juga memasuki dan ikut aktif di dalam pelbagai organisasi sosial. Kesemua faktor ini membawa pengaruh di dalam pemikiran Mohammad Natsir sendiri.

Ketiganya, pengaruh daripada bahan bacaan yang dipelajari sama ada sewaktu di sekolah mahupun di luar sekolah ikut mempengaruhi jiwa seseorang. Dilihat dari jurusan ini, Natsir termasuk orang yang gemar membaca. Beliau mengatakan bahawa tabiat membaca sudah disemai pada dirinya sejak ia bersekolah di Bandung dan terus berlanjutan hingga ke akhir hayatnya. Akibat daripada itu, Natsir mengakui bahawa ia banyak membaca sama ada di sekolah ataupun di luar sekolah. Kesemua faktor-faktor yang disebutkan di atas iaitu faktor dalaman dan faktor luaran turut mempengaruhi dalam pemikiran Mohammad Natsir.

---

<sup>31</sup> Gabriel A. Almond and Sidney Verba, *The Civic Culture: Political Attitudes And Democracy In Five Nations*, New Jersey : Princeton University Press, 1963, hlm 323 - 376.<sup>31</sup>

## 1. 5. Metodologi dan Kaedah Pengumpulan Data

Mengikut Dr. Winarno Surachmad, di antara kajian-kajian yang dapat menggunakan metodologi sejarah ialah kajian biografi yang menyelidiki pemikiran seseorang tokoh.<sup>32</sup> Pandangan yang sama juga dikemukakan oleh Dr. Sartono Kartodirdjo, yang berpendapat bahawa penulisan biografi merupakan sebahagian dari unit sejarah yang telah ditulis sejak zaman klasik, antara lain termasuklah karya Historiograf Tacitus.<sup>33</sup>

Berdasarkan perspektif yang telah dikemukakan di atas, kajian ini akan menggunakan metodologi penyelidikan sejarah, yang dapat diertikan sebagai proses menguji dan menganalisis secara kritis rakaman sejarah dan peninggalan masa lampau<sup>34</sup> Dalam konteks ini Winarno menyatakan bahawa yang dimaksud dengan metodologi sejarah ialah "... penyelidikan yang mengaplikasikan metode pemecahan yang ilmiah dari perspektif historis sesuatu masalah".<sup>35</sup>

Di antara tujuan penting dalam penyelidikan sejarah adalah: "... untuk membuat rekonstruksi masa lampau secara sistematis dan objektif dengan

---

<sup>32</sup> Winarno Surachmad, *Dasar dan Tehnik Research: Pengantar Metodologi Ilmiah*, Bandung: Tarsito, 1970, hlm. 125.

<sup>33</sup> Sartono Kartodirdjo, *Pendekatan Ilmu Sosial Dalam Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Pusat Antar Universitas-Studi Sosial Universitas Gajah Mada, 1988, hlm. 74.

<sup>34</sup> Louis Gottschalk, i *Mengerti Sejarah (trj.) Nugroho Notosusanto*, Jakarta: Universitas Indonesia, 1945, hlm. 32.

<sup>35</sup> Winarno Surachmad, *op.cit*, hlm. 123.

cara mengumpulkan, mengevaluasi, memverifikasikan serta mensintesiskan bukti-bukti untuk menegakkan fakta dan memperoleh kesimpulan yang kuat".<sup>36</sup> Berkenaan dengan rekonstruksi masa lalu dan hubungannya dengan penulisan biografi, Sartono berpandangan bahawa:

Rekonstruksi biografis amat memerlukan imajinasi yang besar agar supaya dapat dibuat 'sulaman' yang indah dari biodata yang tersedia, tentu saja tanpa menyimpang dari faktor historisitas. Memang tetap menjadi tuntutan untuk memakai dasar bukti-bukti sejarah, antara lain dokumen-dokumen. Lebih dari cerita sejarah lainnya biografi memerlukan 'emphaty' atau *ern fühlung* seperti yang digariskan oleh Dilthey sebagai metodologi interpretif. Dengan emphaty itu kita dapat menempatkan diri seolah-olah ada di dalam situasi si tokoh, bagaimana emosinya, motivasi dan sikapnya, persepsi dan konsepnya, kesemuanya dapat direproduksi pada diri sejarawan. Di samping itu, sejarawan juga dituntut untuk mengindahkan *historical-mindedness*, yaitu bagaimana kita menempatkan diri dalam konteks jamannya, hal yang juga memerlukan emphaty tersebut..<sup>37</sup>

Dalam penyelidikan sejarah, salah satu aspek yang penting untuk dimiliki oleh penyelidik ialah sumber atau data. Dalam hal ini, Dr. Abdul Rahman Haji Abdullah menambahkan bahawa untuk menggarap sumber-sumber tersebut diperlukan kelengkapan ilmu-ilmu bantu yang meliputi; Arkeologi, Antropologi, Geografi dan Kronologi, Falsafah, Bahasa, Kesusasteraan, serta Kuantifikasi dan Komputer.<sup>38</sup>

---

<sup>36</sup> Suwardi Suryabrata, *Metodologi Penelitian*, Jakarta: Rajawali Press, 1992, hlm. 16.

<sup>37</sup> Sartono, *op.cit*, hlm. 74-75.

<sup>38</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus, USM, 1994, hlm. 88-103.